

GARIS PANDUAN EDISI PELAJAR

Jawatan/Peranan dalam Program

Pelajar perlu menjelaskan jawatan dan peranan dalam aktiviti yang dijalankan sekiranya menjadi ahli jawatankuasa atau sebagai peserta sahaja.

Laporan Mini berkaitan (minimum 150 perkataan)

1. Justifikasi penglibatan diri dalam aktiviti;
2. Atribut Siswazah yang menjadi fokus;
3. Pengisian aktiviti.

Refleksi Kendiri berkaitan (minimum 150 perkataan)

1. Impak aktiviti terhadap pembangunan Atribut Siswazah pelajar;
2. Kekuatan/kelebihan diri terhadap aktiviti;
3. Cabaran yang dihadapi dan pendekatan menanganinya.

Sijil / Gambar / Video

- memuatnaik bukti program.

Menghantar Laporan Untuk Pengesahan Penasihat Akademik

Semua laporan aktiviti yang telah disiapkan perlu dihantar kepada PA untuk disemak dan disahkan menerusi sistem **MyUTM**.

Disediakan Oleh:


Pejabat Pengajian Prasiswazah
Universiti Teknologi Malaysia

+607-5532287

[https://www.utm.my/
undergraduates/](https://www.utm.my/undergraduates/)

excelugs@utm.my

Pusat Kokurikulum
UTM Skudai
81310 Johor Bahru, Johor
[https://goo.gl/maps/
AAHdrXLuLrJB7cFG7](https://goo.gl/maps/AAHdrXLuLrJB7cFG7)



PRASYARAT

EXCEL

Pengalaman Pembelajaran
Luar Kurikulum
(UKQE 3001/UKQT 3001)

01 Apa itu EXCEL?

EXCEL merupakan kursus umum Universiti yang direkabentuk untuk mengiktiraf penglibatan pelajar dalam aktiviti luar kurikulum. Secara tidak langsung, kursus ini akan menggalakkan pelajar untuk lebih menghargai proses pembelajaran yang berlaku melalui aktiviti luar kurikulum. Kursus ini akan menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman, refleksi sendiri dan kajian kes dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Kursus EXCEL dilaksanakan bermula dengan pelajar kemasukan sesi 2018/2019 bagi semua kurikulum program Ijazah Sarjana Muda menggunakan kod kursus UKQE 3001. Bagi pelajar kemasukan sesi 2019/2020 dan selanjutnya, kod kursus yang digunakan ialah UKQT 3001. Kursus ini ditawarkan dalam kurikulum program Ijazah Sarjana Muda pada mana-mana semester antara semester 5 hingga 8.

02 Apa itu Aktiviti Luar Kurikulum?

- ✓ Merupakan aktiviti pelajar **di luar pembelajaran formal** tanpa pentaksiran dan **tidak diberi nilai kredit**;
- ✓ Terdiri daripada aktiviti anjuran Fakulti/Kelab/Persatuan/ Kolej Kediaman/agensi luar Universiti atau anjuran pelajar sendiri;
- ✓ Tidak termasuk aktiviti dalam mana-mana kursus yang terdapat dalam kurikulum program;
- ✓ Sekiranya sesuatu aktiviti itu dianjurkan dalam mana-mana kursus yang terdapat dalam kurikulum program, ia dikira sebagai aktiviti luar kurikulum bagi pelajar yang tidak mendaftar kursus berkenaan.

03 Prasyarat bagi EXCEL

- 01 Telah melibatkan diri dalam **TIGA (3)** aktiviti luar kurikulum;
- 02 **Menghasilkan laporan secara berasingan** bagi setiap aktiviti;
- 03 Laporan aktiviti **disemak dan disahkan** oleh Penasihat Akademik (PA);
- 04 **Diperakukan** untuk mendaftar kursus EXCEL oleh PA.

04 Tanggungjawab Pelajar

- ✓ Memilih mana-mana **TIGA** aktiviti luar kurikulum dalam sistem **MyUTM**
- ✓ Melaporkan setiap aktiviti yang dipilih secara berasingan dalam sistem eportfolio **<https://eportfolio.utm.my>** (panduan menyediakan laporan menerusi eportfolio boleh diperolehi di **<https://eportfolio.utm.my/user/utmileague/panduan-laporan-aktiviti>**)
- ✓ Memuatnaik pautan laporan aktiviti di sistem eportfolio ke dalam sistem **MyUTM** dan menghantar kepada PA untuk disemak dan disahkan;
- ✓ Menerima emel pemakluman setelah laporan disemak dan disahkan atau dikembalikan (untuk tujuan pembetulan sekiranya berkaitan);
- ✓ Menghantar semula kepada PA laporan aktiviti yang dikembalikan (sekiranya berkaitan) setelah diperbaiki;

- ✓ Menerima emel pemakluman yang memperakukan kelayakan untuk mendaftar kursus **EXCEL** setelah lengkap mendapat pengesahan bagi TIGA (3) laporan aktiviti.

05 Laporan Aktiviti dalam Sistem eportfolio

Laporan aktiviti luar kurikulum perlu disediakan menggunakan sistem eportfolio.

Laporan aktiviti terdiri daripada komponen berikut :

- A Maklumat Program
- B Atribut Siswazah
- C Jawatan/Peranan dalam Aktiviti
- D Laporan Mini
- E Refleksi Kendiri
- F Sijil/Gambar/Video

Maklumat Program terdiri daripada:

1. Tarikh
2. Tempat
3. Anjuran

Atribut Siswazah - menyenaraikan atribut yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan. Atribut Siswazah UTM adalah seperti berikut :

1. Kemahiran Berkomunikasi
2. Kemahiran Berfikir
3. Kesarjanaan
4. Kemahiran Kepimpinan dan Berpasukan
5. Kebolehsesuaian
6. Warga Global
7. Berdaya Usaha